# Borang Penyelenggaraan Perkhidmatan Amaran Transaksi Kad Debit/Kad Debit-i

Sila lengkapkan borang ini dan hantar ke **cawangan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic** yang berdekatan atau email kami di **HLOnline@hlbb.hongleong.com.my**

## BUTIRAN PEMEGANG KAD

Nama Penuh (mengikut No. KP/Pasport)*: ______________________

No. KP/Pasport*: ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐

No. Tel. Bimbit*: ______________ No. Tel. Rumah: ______________ No. Tel. Pejabat: ______________

Alamat E-mel*: ______________________

**Ruang wajib*

## YA, SAYA INGIN MEMOHON PERKHIDMATAN TERSEBUT *(Sila tandakan ☑ mana yang berkenaan)*

☐ **Perubahan Jumlah Ambang Amaran Transaksi Tempat Jualan**
**Hantarkan amaran transaksi untuk jumlah melebihi** *(Sila tandakan SATU sahaja)*

☐ RM500 ☐ RM1,000 ☐ RM1,500 ☐ RM2,000 ☐ Lain-lain: RM ______________ *(sila nyatakan)*

- **Saya faham bahawa borang yang tidak lengkap tidak akan diproses dan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank akan terus mengunakan amaun ambang yang telah ditetapkan sebelum ini untuk paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS Amaran Transaksi.**

☐ **Perubahan Jumlah Ambang Amaran Transaksi Tanpa Sentuhan**
**Hantarkan amaran transaksi untuk jumlah melebihi** *(Sila tandakan SATU sahaja)*

☐ RM50 ☐ RM200 Lain-lain: RM ______________ *(sila nyatakan)*

- **Saya faham bahawa borang yang tidak lengkap tidak akan diproses dan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank akan terus mengunakan amaun ambang yang telah ditetapkan sebelum ini untuk paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS Amaran Transaksi.**

☐ **Memilih Keluar daripada Amaran Transaksi**
Saya tidak mahu menerima sebarang paparan **notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS** Amaran Transaksi.

- **Saya faham bahawa keputusan saya untuk memilih keluar daripada menerima segala Amaran Transaksi akan meningkatkan risiko caj tanpa kebenaran atau penipuan pada transaksi kad saya.**

☐ **Perubahan Kaedah Amaran Transaksi**

☐ Paparan Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect ke SMS ☐ SMS ke Paparan Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect

- **Saya faham bahawa saya mesti memuat turun dan log masuk sekurang-kurangnya sekali ke Aplikasi HLB Connect atau mendaftarkan nombor telefon yang sah dengan Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank untuk menerima Amaran Transaksi melalui SMS atau paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect.**

## TERMA & SYARAT *(Penting: Sila baca sebelum anda menandatangani)*

- Hong Leong Bank/Hong Leong Islamic Bank akan memberitahu pemegang kad melalui paparan notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS untuk setiap transaksi kad yang dibuat menggunakan kad debit/kad debit-i mengikut atau melebihi jumlah yang telah ditetapkan oleh pemegang kad dalam borang ini.
- Pemegang kad dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS amaran transaksi oleh Bank atau penerimaannya oleh pemegang kad mungkin ditangguhkan atau dihalang oleh faktor di luar kawalan Bank.
- Pemegang Kad dibenarkan untuk memilih keluar daripada menerima paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS Amaran transaksi dengan nyatakan dalam borang ini atau memberitahu Bank secara bertulis.
- Penerimaan SMS Amaran Transaksi adalah tertakluk kepada operator rangkaian telefon mudah alih yang dapat menyokong perkhidmatan ini, dan terma & syarat operator rangkaian telefon mudah alih.
- Penerimaan paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect untuk amaran transaksi adalah tertakluk kepada pemegang kad yang telah memuat turun dan log masuk sekurang-kurangnya sekali ke Aplikasi HLB Connect.
- Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan telefon bimbitnya dapat menerima paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS Amaran Transaksi di Malaysia atau di luar negara.
- Peruntukan paparan notifikasi melalui aplikasi HLB Connect atau SMS Amaran Transaksi tidak membolehkan pemegang kad menafikan kewajipannya berkaitan dengan kad yang hilang/dicuri seperti yang dinyatakan dalam terma & syarat yang mentadbir kad debit/debit-i.
- Peranti yang terikat dan no. telefon bimbit terkini pemegang kad yang direkodkan dengan Bank akan digunakan untuk tujuan menghantar paparan notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS amaran transaksi yang dinyatakan di sini. Pemegang kad hendaklah segera memberitahu Bank tentang sebarang perubahan pada perantinya atau no. telefon bimbit.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma & syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my

## DEKLARASI

- Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini, adalah benar, tepat dan lengkap.
- Saya faham bahawa pindaan di atas akan digunakan untuk semua kad debit/debit-i baharu dan sedia ada di bawah profil saya dan hanya boleh berkuatkuasa apabila Bank telah menerima salinan borang permintaan yang lengkap dan ditandatangani.
- Saya memberi hak kepada Bank untuk mengemas kini rekod saya sekiranya nombor telefon dan alamat e-mel yang saya berikan adalah berbeza daripada rekod Bank yang sedia ada dan ia akan digunakan untuk semua komunikasi di masa hadapan termasuk Perkhidmatan Amaran Transaksi.

Saya telah baca, faham dan terima terma & syarat dan deklarasi di atas.

Tandatangan Pemegang Kad

______________________

Tarikh:

**UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA**

Tandatangan/Biometrik disahkan dan dilayan oleh:

______________________

Nama :

Jabatan : Tarikh :